

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/05/18\_28 (HQ)

### TNB SOKONG SUBSIDI BERSASAR BAGI MEMBANTU RAKYAT YANG MEMERLUKAN

- Mengimbangi di antara keperluan tarif mampu bayar golongan berpendapatan rendah dengan pertumbuhan ekonomi

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menyokong pemberian subsidi bersasar demi membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara dan meringankan tekanan kos ke atas golongan berpendapatan rendah, kata pengurusnya, Dato' Abdul Razak Abdul Majid.

“Dengan inflasi lebih tinggi yang menjaskan isi rumah dan perniagaan, kerajaan pada penghujung 2022 telah mengumumkan pelaksanaan skim subsidi elektrik bersasar untuk pengguna domestik, yang terus menikmati rebat tarif ke atas bil elektrik serta tidak menaikkan surc妖 untuk kumpulan perniagaan kecil dan industri terpilih.

“Kami akan terus menyokong usaha berterusan kerajaan untuk mengurus tarif mengikut mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), sambil mengimbangi perlunya tarif yang wajar untuk rakyat dan pertumbuhan ekonomi. Sebagai sebuah entiti korporat yang prihatin, TNB memahami keperluan membantu rakyat berpendapatan rendah untuk menghadapi tekanan kos yang semakin meningkat. Pada masa yang sama, kami meneruskan usaha berkongsi kemakmuran dengan masyarakat menerusi inisiatif pendidikan dan sosio-ekonomi yang berkesan,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke-33, di Kuala Lumpur hari ini.

Abdul Razak berkata, TNB kekal teguh dengan komitmennya memenuhi keperluan tenaga pelanggan industri, komersial dan kediaman di tengah-tengah harga bahan api yang tinggi sejak 2022 dan pemulihan memberangsangkan ekonomi Malaysia. “Pelaburan besar TNB untuk mempelbagaikan sumber tenaga serta mengembangkan portfolio tenaga boleh baru (TBB) selama ini, membolehkan kami terus menyediakan tenaga berdaya harap dan mampan. Usaha ini diiktiraf oleh pelanggan melalui prestasi konsisten selama dua tahun berturut-turut dalam skor Indeks Kepuasan Pelanggan kami dengan 87% pada tahun 2022.”

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Indera Ir. Baharin Din berkata, pada kemuncak krisis tenaga global tahun lalu, harga arang batu dan gas mencapai paras tertinggi dengan peningkatan masing-masing sebanyak 83% dan 11% dari tahun ke tahun. “Malaysia turut tidak terlepas daripada kenaikan harga bahan api, yang memberi kesan besar kepada kos penjanaan elektrik.

Beliau berkata, walaupun krisis tenaga telah memberi kesan kepada kos sistem tenaga negara sejak dua tahun lalu, ia telah mengukuhkan tekad TNB untuk mempercepatkan pelaksanaan menuju campuran sumber penjanaan lebih bersih menjelang 2050. Ini bermakna TNB mengalihkan pergantungannya yang tinggi terhadap sumber bahan api fosil bagi penjanaan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, dengan kos bahan api menyumbang lebih daripada

S.A. 2023/05/18\_28 (HQ)

70% kepada kos penjanaan. "Walaupun begitu, kami terus memenuhi kewajipan dengan menyediakan bekalan tenaga berdaya harap, terjamin dan berpatutan kepada negara."

"Dalam menguruskan kos bahan api yang lebih tinggi, kami terus bekerjasama dengan kerajaan dalam pelaksanaan mekanisme ICPT. Di bawah mekanisme ini, kerajaan telah menyediakan bayaran subsidi kepada rakyat bagi mengimbangi kos bahan api lebih tinggi dalam penjanaan elektrik. Ini, ditambah dengan pengurusan modal secara berhemat kami, telah membantu TNB mengurangkan tekanan harga bahan api yang tinggi."

Dari segi operasi, Baharin berkata, TNB berjaya mengekalkan piawaian bertaraf dunia dengan loji janakuasanya merekodkan faktor ketersediaan sebanyak 83.2% manakala Sistem Minit Penghantaran, iaitu penanda aras untuk minit gangguan disebabkan oleh transmisi, adalah 0.2 minit pada 2022. Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan (SAIDI) pula ialah 45.1 minit. "Pencapaian ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen tenaga kerja kami dalam mengendalikan dan mengekalkan mutu infrastruktur bekalan elektrik negara pada tahap tertinggi."

Baharin juga berkata, tahun 2022 menyaksikan TNB melakar trajektori lebih kukuh untuk menjadi peneraju penyelesaian tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa dalam pacuan Pelan Peralihan Tenaga (ET) TNB. "Dalam komitmen kepada Pelan ET kami, sambil memacu peralihan tenaga Malaysia, TNB akan memperuntukkan perbelanjaan modal (CAPEX) yang signifikan bagi mempercepatkan pacuan peralihan TNB kepada pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Matlamatnya adalah masa depan TNB dalam jangka panjang dengan pelaburan ini secara beransur-ansur akan mengalihkan portfolio sedia ada kepada lebih hijau, merangsang pertumbuhan perniagaan TNB yang lebih mampan sambil mencipta nilai jangka panjang untuk para pemegang saham."

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 18 Mei 2023, jam 3:15 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (tengah) bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kiri, barisan hadapan) serta Setiausaha Syarikat TNB, Norazni Mohd Isa (kanan, barisan hadapan) di Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke-33, di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar.



Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (tengah) bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kanan) serta Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman (kiri) sedang melihat Buku Laporan Tahunan TNB di Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke-33, di Kuala Lumpur TNB hari ini (18 Mei 2023).